



# SIARAN MEDIA

---

## **ANCAMAN TANAH RUNTUH DI KAWASAN HOTSPOT, STATUS PEMANTAUAN CERUN KRITIKAL SERTA PEMETAAN BAHAYA ALIRAN PUING BERIKUTAN MUSIM MONSUN TIMUR LAUT 2023**

---

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah mengenal pasti sejumlah 31 kawasan hotspot yang berdepan ancaman tanah runtuh di seluruh Malaysia. Di antara kawasan yang terlibat adalah sekitar Lembah Klang, Tanjung Bungah dan Paya Terubong di Pulau Pinang, Ipoh dan Cameron Highlands di Perak, Kundasang di Sabah dan Bau di Sarawak.

Sebagai tindakan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana geologi tanah runtuh menjelang Monsun Timur Laut yang dijangka bermula pada bulan November 2023, JMG telah melaksanakan pemantauan terhadap 254 cerun kritikal di seluruh negara. Sejumlah 104 lokasi cerun telah diklasifikasikan sebagai cerun kritikal tahap tinggi dan sejumlah 97 dan 53 lokasi cerun diklasifikasikan sebagai cerun kritikal sederhana dan rendah.

Berdasarkan pemantauan, sejumlah 37 cerun telah diambil tindakan mitigasi manakala 15 cerun sedang diambil tindakan mitigasi dan 202 cerun dalam perhatian untuk tindakan selanjutnya. Sebaran maklumat hasil pemantauan cerun kritikal ini telah dibuat kepada agensi berkepentingan bagi tindakan susulan.

JMG juga telah menjalankan pemetaan di 7 lokasi Taman Eko Rimba (TER) yang berpotensi untuk berlakunya bencana geologi aliran puing iaitu di Perak (TER Lata Iskandar), Selangor (TER Sungai Tua), Negeri Sembilan (TER Jeram Toi), Pahang (TER Chamang) dan Terengganu (TER Lata Payung, TER Chemerong dan TER Air Menderu). Laporan pemetaan merangkumi Peta Pengurusan Bencana Geologi serta cadangan mitigasi dan pemasangan sistem amaran awal aliran puing disediakan oleh pihak berkepentingan.

JMG menasihatkan orang ramai yang berada di kawasan berisiko seperti kawasan yang pernah mengalami tanah runtuh supaya peka dengan keadaan sekeliling seperti berlakunya runtuh atau pergerakan kecil cerun tanah, retakan atau rekahan pada dinding, tembok atau tiang rumah serta kesan-kesan bonggol, rekahan atau mendapan pada jalan dan pokok-pokok yang berterusan condong. Sekiranya terdapat tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh, sila hubungi JMG atau pihak berkuasa yang berkaitan untuk memberi maklumat atau mendapatkan bantuan. JMG akan sentiasa bersedia memberi khidmat kepakaran teknikal bagi penilaian ancaman tanah runtuh. Maklumat lanjut serta aduan kepada JMG boleh dilakukan kepada 'Person In Charge' (PIC) bagi pelaporan tanah runtuh JMG di pautan <https://mygems.jmg.gov> (Aduan Bencana).

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**3 NOVEMBER 2023**



## TANDA-TANDA AWAL TANAH RUNTUH

1 Bonjolan di permukaan cerun

2 Rekahan muncul pada cerun

3 Tirisan air

4 Air bertakung di kaki cerun

5 Kerosakan dan longkang tersumbat

6 Serpihan batuan atau tanah di atas cerun

7 Lubang allran tersumbat

8 Retakan pada dinding bangunan, lantai dan lain-lain struktur seperti pintu dan tingkap sukar ditutup

9 Pergerakan tanah

10 Pagar, tembok penahan, tiang utiliti dan pokok yang condong atau teranjak

11 Bongkah batuan longgar pada tebing bukit batu kapur

12 Hakisan galur

13 Pembentukan retakan dan semakin melebar (retakan tegangan) pada permukaan tanah atau permukaan berturap seperti jalan, laluan atau apron bangunan dan tanah menjadi mendap

